

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/2006**

=====

**SYARAT PEMBERIMILIKAN TANAH KEPADA
ORANG ASLI**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah berkenaan dengan **Dasar Pihak Berkuasa Negeri berhubung dengan permohonan pemberimilikan tanah kepada Orang Asli. Pekeliling ini juga memberi panduan dan penjelasan mengenai syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah bagi memproses permohonan tersebut.**

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Orang Asli adalah sebahagian daripada Masyarakat Bumiputra di negeri ini. Matlamat kerajaan ialah untuk mengintegrasikan Orang Asli dengan masyarakat umum supaya mereka mendapat faedah yang sama rata dan tidak terpinggir dari arus pembangunan. Orang Asli juga perlu tertakluk kepada dasar, undang-undang dan peraturan seperti mana yang dikuatkuasakan kepada rakyat yang lain. Tanah yang diduduki oleh Orang Asli samada telah diwartakan atau sebaliknya menjadi semakin genting dengan desakan dan himpitan

pertumbuhan ekonomi negara yang semakin pesat. Tanah yang dahulunya terpendul kini telah menjadi 'prime land' dan juga menjadi 'prime target'. Oleh itu, Orang Asli selaku warganegara Malaysia menuntut perlindungan undang-undang yang lebih terjamin bagi tanah-tanah mereka yang dianggap sebagai tanah saka atau tanah adat.

- 2.2 Menurut Kanun Tanah Negara, mana-mana kawasan yang belum dirizabkan oleh mana-mana Kerajaan Negeri, sebarang pendudukan tidak sah dianggap sebagai peneroka haram. Dalam kes Orang Asli, walaupun pendudukan mereka tidak sah, mereka tidak mahu dianggap sebagai peneroka tanah kerajaan secara haram kerana beranggapan bahawa tanah-tanah yang diduduki adalah saka nenek moyang mereka. Bagi tanah-tanah yang telah dirizabkan, status ini juga tidak memberi jaminan dan perlindungan sewajarnya kepada Orang Asli kerana Kerajaan Negeri boleh membatalkan status berkenaan pada bila-bila masa untuk tujuan pembangunan.

3. DASAR PEMBERIMILIKAN TANAH KEPADA ORANG ASLI

- 3.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) semasa menimbang kertas 14/14/2001 bertarikh 18.07.2001 telah menetapkan dasar pemilikan tanah Orang Asli di Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

- i) Tanah-tanah di perkampungan Orang Asli dijadikan Rancangan Tanah Kelompok Khas untuk Orang Asli sahaja samada yang diwartakan ataupun sebaliknya.
- ii) Pemberimilikan tanah hendaklah berdasarkan konsep keluarga iaitu setiap keluarga diperuntukan

tanah pertanian dan tapak kediaman. Kawasan ini perlu disediakan pelan tatatur oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan kos berkenaan ditanggung oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Di samping itu, keluasan berkenaan hendaklah ditambah untuk kegunaan awam dan keluasan generasi akan datang sebanyak 30% daripada keluasan keseluruhan.

- iii) Sekiranya tanah ini hendak dibangunkan, satu 'Badan Amanah' hendaklah diwujudkan yang ahli-ahlinya terdiri daripada Orang Asli dan Pentadbir Tanah Daerah bagi melindungi kepentingan Orang Asli itu sendiri sebelum diperuntukkan kepada pihak lain.
- iv) Kawasan yang telah diwartakan sebagai Rizab Orang Asli hendaklah dibatalkan terlebih dahulu sebelum tindakan pemberimilikan tanah dibuat. Bagi kawasan yang terletak di dalam kawasan hutan simpan, Jabatan Perhutanan hendaklah mengambil tindakan untuk membatalkannya. Manakala kawasan yang terlibat dalam tanah Rizab Melayu tindakan pembatalan hendaklah diambil dan digantikan berdasarkan jumlah keluasan yang sama.

4. SYARAT-SYARAT DAN BAYARAN KE ATAS PEMBERIMILIKAN YANG PERLU DIKENAKAN KEPADA ORANG ASLI ADALAH SEPERTI BERIKUT:-

4.1 Surat Hakmilik

- (a) Bagi Tanah Pekan, Tanah Bandar dan Tanah Desa yang keluasannya melebihi 4.046 hektar (10 ekar).

Jenis hakmilik : Hakmilik Pejabat Pendaftar

Bentuk Surat Hakmilik : Pajak Negeri

(b) Bagi Tanah Desa dan kurang 4.046 hektar (10 ekar).

Jenis hakmilik : Hakmilik Pejabat Tanah

Bentuk Surat Hakmilik : Pajak Mukim

(c) Tempoh pajakan : 99 tahun

4.2 **Keluasan setiap satu keluarga :**

(a) Tapak pertanian - 2.023 ha (5 ekar)

(b) Tapak rumah kediaman - 0.101 ha (0.25 ekar)

4.3 **Premium**

- RM10.00 selot (namaan)

4.4 **Cukai Tanah**

4.4.1 **Tanah Bandar dan Tanah Pekan**

i) ***Jenis kegunaan tanah : Bangunan***

(a) Bangunan Kediaman : RM10.00 setahun bagi satu Hakmilik

- (b) Bangunan Perniagaan : RM20.00 setahun bagi satu Hakmilik

ii) ***Jenis kegunaan tanah : Pertanian***

- (a) Tanaman kekal industri (getah, kelapa sawit) : RM5.00 sehektar
- (b) Tanaman Hortikultur (sayuran, buah-buahan) : RM3.00 sehektar
- (c) Tanaman makanan jangka panjang (durian, rambutan) : RM3.00 sehektar
- (d) Tanaman makanan jangka pendek (pisang, jagung) : RM3.00 sehektar
- (e) Ternakan-ternakan darat (ayam, itik) : RM3.00 sehektar
- (f) Ternakan-ternakan air (ikan, udang) : RM3.00 sehektar

4.4.2 Tanah Desa

i) ***Jenis kegunaan tanah : Bangunan***

- (a) Bangunan Kediaman : RM5.00 setahun bagi satu Hakmilik
- (b) Bangunan Perniagaan : RM10.00 setahun bagi satu Hakmilik

ii) ***Jenis kegunaan tanah : Pertanian***

- (a) Tanaman kekal industri (getah, kelapa sawit) : RM5.00 sehektar
- (b) Tanaman Hortikultur (sayuran, buah-buahan) : RM2.00 sehektar
- (c) Tanaman makanan jangka panjang (durian, rambutan) : RM2.00 sehektar
- (d) Tanaman makanan jangka pendek (pisang, jagung) : RM2.00 sehektar
- (e) Ternakan-ternakan darat (ayam, itik) : RM2.00 sehektar

- (f) Ternakan- : RM2.00 sehektar
ternakan air
(ikan, udang)

4.5 **Sekatan kepentingan**

Tanah ini boleh dipindahmilik, dipajak, digadai kepada Orang Asli sahaja setelah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

5. **TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

T.T
(DATO' ZOAL AZHA BIN YUSOF)
Pengarah Tanah dan Galian
Selangor Darul Ehsan

Bertarikh : 13 APRIL 2006